



#### KESALAHAN GAMBAR A

- Kain yang dipakai terlalu singkat.

Menurut riwayat Imam Tarmizi dan Nasa'i, dari Ummu Salamah r.a. "Ya Rasulullah, bagaimana perempuan akan berbuat kain-kain mereka yang sebelah bawah?"

Sabda Rasulullah S.A.W.: "Hendaklah mereka memanjangkan barang sejengkal dan janganlah menambahkan lagi keatasnya".



#### KESALAHAN GAMBAR C

- Tudung tidak menutupi dada.
- Lengan blaus pendek.
- Tidak bersarung kaki.
- Kain yang dipakai terlalu singkat.

"Sesungguhnya, sebilangan ahli neraka ialah perempuan-perempuan yang berpakaian yang berpakaian tetapi yang telanjang yang condong pada maksiat dan menarik orang lain untuk melakukan maksiat. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya."

Riwayat Bukhari Dan Muslim



#### KESALAHAN GAMBAR E

- Tudung tidak menutupi dada.
- Tidak bersarung kaki.
- Pakaian ketat menampakkan susuk tubuh.
- Blaus yang dipakai singkat.

"Katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman; hendaklah mereka merendahkan permandangan mereka dan menjaga kehormatan mereka..."

Surah An Nur, ayat 31

#### KESALAHAN GAMBAR B

- Tudung tidak menutupi dada.

Allah S.W.T. berfirman dalam Surah An Nur, ayat 31 bermaksud: "...hendaklah mereka tutupkan tudung (selendang) mereka ke leher dan ke dada mereka..."



#### KESALAHAN GAMBAR D

- Pakaian ketat dan menampakkan susuk tubuh.

Rasulullah bersabda; yang bermaksud: "...hendaklah kamu meminjamkan dia baju yang panjang dan longgar itu."

- Solekan yang jelas dilihat (lipstik)

Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Al 'Araf: ayat 31, bermaksud: "...pakailah perhiasanmu pada setiap waktu sembahyang. Makanlah dan minumlah dan jangan melampaui batasan."



#### KESALAHAN GAMBAR F

- Lengan blaus pendek.
- Tidak bersarung kaki.
- Kain yang dipakai berbelah di depan (Slit)

"Barang siapa yang memakai pakaian yang menjolok mata, maka Allah S.W.T. akan memberikan pakaian kehinaan di hari akhirat nanti."

Riwayat Ahmad, Abu Daud, An Nasa'i dan Ibn Majah

